



SYARAT – SYARAT DAN PERATURAN PENGJURAN AKTIVITI CAR BOOT SALE (JUALAN DARI BONET KERETA)

1. Semua jenis barangan kering dan terpakai sahaja dibenarkan. Penjualan barangan baru adalah dilarang sama sekali. Sekiranya terdapat peniaga yang menjual barangan baru, Pihak Berkuasa Melesen MPKj boleh membatalkan permit dengan serta merta tanpa sebarang notis pemberitahuan.
2. Semua jenis jualan makanan dan minuman adalah tidak dibenarkan. Termasuk makanan dan minuman yang disediakan di rumah ataupun yang telah siap dibungkus.
3. Semua jenis jualan barangan basah dan barangan mentah adalah **tidak dibenarkan** seperti ayam, ikan, daging, sayur dan lain-lain.
4. Waktu perniagaan adalah dari jam 7.00 malam hingga 12.00 malam untuk hari Jumaat, 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari (sesi 1), 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam (sesi 2) untuk hari Sabtu dan Ahad.
5. Peniaga hanya untuk warganegara Malaysia sahaja.
6. Peniaga hanya dibenarkan membuka satu (1) unit meja dan satu (1) unit payung sahaja. Penggunaan Khemah atau kanopi adalah dilarang sama sekali.
7. Kebersihan di lokasi perniagaan dan sekitarnya perlu disenggara dan dijaga dengan baik semasa dan selepas waktu perniagaan. Peniaga diwajibkan menjaga kebersihan di petak yang telah ditetapkan.
8. Pemohon hendaklah memastikan lokasi perniagaan tidak mengganggu lalu lintas atau menyebabkan kacauganggu kepada pihak lain.
9. Penganjuran Car Boot Sale ini adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dan jika terdapat aduan-aduan berasas, Pihak Berkuasa Melesen MPKj boleh membatalkan permit dengan serta merta tanpa sebarang notis pemberitahuan.

KADAR BAYARAN AKTIVITI CAR BOOTH SALE (JUALAN DARI BONET KERETA)

- i. Bayaran permit pengurusan Car Booth Sale akan dikenakan kepada penganjur sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) dan dikenakan sekali sahaja
- ii. Bayaran cagaran pengurusan sebanyak RM 500.00 dikenakan dan boleh dituntut semula selepas tamat tempoh tawaran yang diberikan sekiranya tiada sebarang pelanggaran syarat.
- iii. Setiap peniaga yang akan menyertai Car Booth Sale ini akan dikenakan bayaran sebanyak RM 5.00 sehari.